

Latihan 3

Tukarkan ayat majmuk di bawah menjadi **dua ayat tunggal**. Tulis jawapan anda pada ruang jawapan yang disediakan.

1. Pemindahan mangsa banjir telah dapat dilakukan dengan sempurna kerana persediaan awal telah dibuat.
i. _____
ii. _____
2. Datuk Osman banyak pengalaman lagi besar pengaruhnya.
i. _____
ii. _____
3. Semua murid perlu sedar bahawa mereka mesti sentiasa mengulang kaji pelajaran untuk berjaya dalam peperiksaan.
i. _____
ii. _____
4. Mereka berteduh di dalam pondok usang itu apabila hujan turun.
i. _____
ii. _____
5. Puan Sharifah ialah guru mata pelajaran Sains dan Matematik di SMK Kota Mutiara.
i. _____
ii. _____

[10 markah]

Latihan 4

Tukarkan ayat tunggal di bawah kepada **ayat majmuk** dengan mengekalkan maksud asalnya.
Tulis jawapan anda pada ruang jawapan yang disediakan.

1. a. Murid itu berjalan ke hadapan dewan.
b. Murid itu bertanya soalan kepada penceramah.

2. a. Mereka berdiri di tepi padang.
b. Mereka memerhatikan kanak-kanak yang sedang bermain bola sepak.

3. a. Abang memikirkan perkara itu semasak-masaknya.
b. Abang mengambil keputusan untuk berhijrah ke kota.

4. a. Kawasan rekreasi di hutan lipur itu sangat cantik.
b. Kawasan rekreasi di hutan lipur itu tidak diselenggarakan dengan baik.

5. a. Saya diminta mendaftarkan diri di kaunter.
b. Saya disuruh duduk di ruang menunggu.
c. Saya dibawa masuk untuk sesi temu duga.

[10 markah]